



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN  
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN  
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800  
Fax : 06-7619027  
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsemilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 ( 25 )

Tarikh :  Januari 2021

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 3 TAHUN 2021 : KOD AKAUN BAGI BAYARAN BALIK FI UJIAN PENGESANAN  
COVID-19 BAGI PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN YANG MENJALANKAN TUGAS  
RASMI DI DALAM DAN LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia rujukan (6)KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 4 November 2020 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersetuju agar penjawat awam yang **menjalankan tugas rasmi di dalam dan ke luar negara** diberi pengecualian fi bagi ujian pengesanan COVID-19 berkuatkuasa 9 Oktober 2020 dengan ketetapan seperti berikut :

- 2.1 Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19 ini adalah terpakai bagi ujian pengesanan yang dibuat di fasiliti KKM sahaja. Penjawat awam perlulah mengemukakan surat iringan atau dokumen sokongan daripada Ketua Jabatan atau penganjur mesyuarat yang menyatakan bahawa mereka perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 sebelum menjalankan tugas rasmi tersebut.
- 2.2 Penjawat awam yang menjalani ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta hendaklah menanggung sendiri kos tersebut. Sebarang tuntutan bayaran balik bagi kos ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat di fasiliti kesihatan swasta oleh penjawat awam adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing.
- 2.3 Penjawat awam yang memohon untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 atas permintaan sendiri akan dikenakan caj sebagaimana orang awam.

3. Sehubungan itu, kaedah pembayaran dan kod akaun bagi permohonan bayaran balik yang diluluskan oleh Ketua Jabatan adalah seperti berikut :

**Modul : Arahan Pembayaran Invois Tanpa PT**  
**Kod Akaun : B0229101**

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***‘Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul’***

Saya yang menjalankan amanah,

**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan